

18 penyelidikan dapat pingat emas sempena Pereka 2010

Oleh NIK JASNI
CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Sebanyak 11 projek Penyelidikan dan tujuh projek Inovasi memenangi pingat Emas dalam pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (Pereka) 2010 daripada 237 hasil penyelidikan yang dipertandingkan, selain 24 Perak dan 51 Gangsa untuk projek Penyelidikan serta 14 Perak dan 48 Gangsa untuk projek Inovasi.

Menjelaskan perkara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Rosnah Ismail berkata terdapat peningkatan penyertaan setiap tahun dengan jumlah penyertaan tahun lalu adalah 201 projek penyelidikan.

"Ini merupakan sesuatu yang positif bukan sahaja kepada bidang penyelidikan itu sendiri, malah dari aspek perkembangan ilmu.

"Penyelidikan ini juga bukan sahaja penting dari segi pulangan lumayan kepada penyelidik dan universiti, tapi sumbangan serta manfaatnya kepada masyarakat," katanya.

Kata Rosnah, semua penyelidikan yang memenangi pingat emas akan dipaten dan dikenalpasti potensi komersilnya bagi menjana pendapatan pihak universiti.

"Pada dasarnya, penyelidik menerima dana daripada kerajaan dan industri. Hasil berkenaan kemudian dipamerkan di peringkat universiti sebelum dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Ini merupakan sesuatu yang positif bukan sahaja kepada bidang penyelidikan itu sendiri, malah dari aspek perkembangan ilmu. Penyelidikan ini juga bukan sahaja penting dari segi pulangan lumayan kepada penyelidik dan universiti, tapi sumbangan serta manfaatnya kepada masyarakat."

PROF DR ROSNAH ISMAIL

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS)



PINGATEMAS...Rosnah (duduk, tengah) bergambar bersama sebahagin pemenang pingat emas kategori Penyelidikan dan Inovasi sempena Pereka 2010.

"Pada tahun lalu, kita telah menyertai pameran di Geneva dan Korea manakala tahun ini kita merancang untuk menyertai pameran di Jerman," katanya dalam sidang akhbar pengumuman pemenang Pereka 2010, di UMS, kelmarin.

Turut hadir adalah Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Prof Dr Felix Tongkul.

Penyertaan berkenaan, katanya, adalah selaras dengan objektif penganjuran pertandingan itu iaitu mencari hasil penyelidikan untuk dipertandingkan di

peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada Mei nanti, jelasnya, mereka juga akan menyertai Pameran Teknologi Rekaan (I-Tech).

"Pereka telah menjadi platform untuk para penyelidik di universiti ini mempamerkan hasil penyelidikan mereka dan kita juga dapat memberitahu masyarakat tentang penyelidikan yang dilaksanakan di sini," katanya.

Kata Rosnah, tahun lalu UMS telah memenangi 42 pingat di peringkat

kebangsaan iaitu enam emas, 13 perak dan 23 gangsa manakala 15 pingat iaitu tiga emas, empat perak dan lapan gangsa di peringkat antarabangsa.

PEREKA 2010 telah diadakan pada 5 dan 6 April lepas di Dewan Canselor, UMS dan telah dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) Datuk Dr Maximus J. Ongkili.

Pertandingan ini merupakan acara tahunan Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS setelah dimulakan pada 2007.